

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)17**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

17. Berapakah kegunaan air per kapita untuk tujuan domestik terkini berbanding dengan penggunaan air untuk tujuan bukan domestik (terkini) seperti industri, premis perniagaan dan sebagainya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah merekodkan kegunaan purata air per kapita untuk tujuan domestik bagi pengguna Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 ialah sebanyak 284 liter / sehari. Sebagai bandingan, purata air per kapita Kebangsaan pada tahun 2022 ialah 237 liter / sehari, manakala sasaran Kebangsaan untuk air per kapita bagi tahun 2025 ialah 180 liter / sehari. Ini menunjukkan bahawa penggunaan air per kapita pengguna Negeri Pulau Pinang kategori domestik adalah tinggi berbanding dengan purata kebangsaan. Untuk jumlah penggunaan bukan domestik pula, penggunaan air termasuk industri, premis perniagaan dan sebagainya tidak diukur menggunakan air per kapita tetapi jumlah

yang telah direkodkan pada tahun 2023 adalah 136,395,657 meter padu setahun berbanding penggunaan domestik sebanyak 183,725,917 meter padu.